Penternak tak lagi nikmati subsidi mulai bulan depan

BH – 2/6/2022 m/s: 6

Langkah bantu rakyat kurangkan beban akibat kenaikan harga barang

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
mohd_iskandar@bh.com.my

Kuala Lumpur: Mulai 1 Julai ini, kerajaan tidak lagi memberikan subsidi kepada penternak ayam, sebaliknya menyalurkannya terus kepada rakyat yang memerlukan, khususnya golongan B40, kata Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Perdana Menteri berkata, langkah itu bertujuan mengurangkan beban rakyat yang terkesan akibat kenaikan harga barang.

"Apabila kita perkenalkan subsidi untuk (penternak ayam) memastikan harga ayam tidak dinaikkan, di Malaysia ini harga apa pun boleh naik, jangan harga ayam. Harga ikan kembung RM15 sekilogram pun mereka tak bising, tetapi harga ayam rakyat akan marah.

"Kalau dibiarkan.... harga diapung, harga sekilogram ayam mungkin (mencecah) RM12 sekilogram tetapi kerajaan bagi memastikan harga ayam tidak dinaikkan memberi subsidi kepada penternak supaya harga ayam kekal RM8.90 sekilogram dengan kerajaan berbelanja RM720 juta untuk tujuan itu.

"Bagaimanapun, ramai penternak tidak menuntut subsidi diberikan. Oleh itu, mulai 1 Julai nanti, kita tidak lagi akan memberikan subsidi kepada penternak, tetapi jumlah terbabit akan diberikan terus kepada rakyat," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Konvensyen Barisan Nasional (BN) di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL) di sini, semalam.

Pada 9 Februari lalu, Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, mengumumkan Kabinet bersetuju memberi subsidi harga ayam dan telur ayam kepada penternak sepanjang tempoh pelaksanaan Skim Kawalan Harga Keluarga Malaysia (SKHKM) iaitu bermula 5 Februari lalu hingga 4 Jun ini.

Menerusinya, penternak akan menerima subsidi 60 sen sekilogram bagi ayam hidup dan ayam bulat, dan 5 sen bagi sebiji telur ayam tanpa mengira kategori.

Ismail Sabri berkata, kerajaan akan memperkenalkan sumbangan kewangan terus kepada rakyat khususnya B40 yang terkesan akibat kenaikan harga barang.

Katanya, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) serta Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) akan mengumumkan mekanismenya nanti.

"Tujuannya adalah untuk memastikan bebanan kenaikan harga tidak terlalu dirasai (rakyat) kerana ada sumbangan tunai ini oleh kerajaan," katanya.

Perdana Menteri menegaskan, permasalahan rakyat sentiasa dalam pemikirannya.

"Saya sedar, sejak negara dilanda pandemik COVID-19, kehidupan rakyat terhimpit, dan sekarang kita dalam fasa pemulihan," katanya.

Beliau berkata, baru-baru ini banyak laporan, kebimbangan dan pertanyaan terutamanya berkaitan harga barangan yang terus meningkat, kedudukan nilai mata wang ringgit serta prospek pemulihan ekonomi negara.

Jelasnya, sebagai ekonomi yang terbuka dengan nilai keseluruhan perdagangan luar merangkumi hampir 120 peratus daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), Malaysia tidak terkecuali daripada mengalami kesan ketegangan geopolitik dan perubahan iklim dunia.

> "Apabila kita perkenalkan subsidi untuk (penternak ayam) memastikan harga ayam tidak dinaikkan, di Malaysia ini harga apa pun boleh naik, jangan harga ayam"

Ismail Sabri Yaakob, Perdana Menteri

"Sekiranya konflik Russia-Ukraine berterusan, ia akan memberi implikasi kepada komoditi dan turut memberi kesan kepada harga barang. Tindakan beberapa negara menghentikan eksport makanan seperti India dan Indonesia juga akan memburukkan lagi keadaan.

"Namun, ketahuilah bahawa kerajaan sentiasa memantau keadaan ini dan terus komited dalam melaksanakan langkah proaktif melalui pengubahsuaian dasar-dasar tertentu, seiring dengan perubahan senario ekonomi global, yang lazimnya di luar kawalan kita," katanya.